

20/06/1997

PM berkuasa lantik Presiden Pemadam

KUALA LUMPUR, Khamis - Jawatan Presiden Pemadam Kebangsaan yang disandang Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, adalah keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden Pemadam Kebangsaan, Datuk Idris Ibrahim, ketika mengulas kedudukan jawatan itu berkata, Perdana Menteri sebagai Penaung Pemadam mempunyai kuasa melantik Presiden badan itu.

Beliau berkata, jawatan itu tidak semestinya disandang oleh mereka yang bertugas di Kementerian Dalam Negeri (KDN), sebaliknya Perdana Menteri boleh memilih sesiapa saja mengikut Perlembagaan Pemadam.

"Sehubungan itu, sekarang ini tidak timbul sebarang masalah dan Datuk Seri Megat Junid masih menyandang jawatan itu walaupun berpindah kementerian," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau mengulas pertanyaan beberapa pihak mengenai kedudukan Megat Junid dalam Pemadam selepas ditukarkan ke Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Idris berkata, kes yang sama berlaku ketika Datuk Rais Yatim yang terus kekal sebagai Presiden Pemadam, walaupun beberapa kali bertukar kementerian, malah ketika menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, beliau berkata, terpulang kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Megat Junid menyandang jawatan itu sejak 10 tahun lalu selepas dilantik Timbalan Menteri Dalam Negeri.

(END)